

Dr
Mohd Yahya Mohd Ariffin



(Profesor Madya dan Timbalan Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia)

Budaya inovasi, kreativiti pemangkin kejayaan

Institut Jantung Negara (IJN) banyak melakukan inovasi dalam ilmu perubatan yang membabitkan masalah jantung di negara ini. Antaranya, kejayaan institut itu merawat pesakit yang mengalami komplikasi jantung dengan menggantikan injap baru tanpa perlu melalui pembedahan. Injap itu dimasukkan melalui paha bagi menggantikan injap yang sudah rosak.

Hasilnya, segala usaha penambahbaikan dan inovasi yang dijalankan selama ini oleh IJN memberi impak positif apabila penghidap masalah jantung di negara ini tidak perlu ke luar negara bagi mendapatkan rawatan. Inovasi itu telah menjimatkan kos rawatan perubatan pesakit dan tidak perlu ke luar negara.

Sebagai mengiktiraf usaha IJN selama ini, mereka telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) 2011 atas kecemerlangan dalam bidang perubatan tempatan.

Anugerah itu disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak kepada Ketua Pegawai Eksekutif IJN, Tan Sri Dr Robaayah Zambahari dalam satu majlis, baru-baru ini. Tahniah atas kejayaan tersebut dan akan menjadi pendorong untuk terus berinovasi demi kesejahteraan rakyat negara ini.

Dewasa ini kejayaan sesebuah organisasi serta kerjaya staf dalam sektor awam atau swasta banyak bergantung kepada keupayaan dalam aspek inovasi dan kreativiti yang dihasilkan ke atas produk dan perkhidmatan

“
**KEJAYAAN
INSTITUT
JANTUNG
NEGARA
MERAWAT
PESAKIT YANG
MENGALAMI
KOMPLIKASI
JANTUNG
DENGAN
MENGGANTIKAN
INJAP BARU
TANPA PERLU
MELALUI
PEMBEDAHAN”**

masing-masing. Penekanan kepada kedua-dua nilai itu amat penting kerana menggalakkan daya saing negara.

Perdana Menteri ketika berucap dalam majlis AIPM itu percaya penerapan nilai kreativiti, inovasi dan integriti dalam pekerjaan masing-masing akan membolehkan negara mengatasi cabaran utama global masa kini iaitu peluang mencipta kekayaan dan kekal berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Prof Datuk Ir Dr Zaini Ujang, dalam buku Budaya Inovasi: Prasyarat Model Baru Ekonomi (2010) banyak membincangkan aspek inovasi dan kreativiti yang semakin ditekankan oleh kerajaan dalam semua sektor pekerjaan.

Menurutnya, inovasi menjurus kepada penambahbaikan dan penyesuaian kepada pemikiran, idea yang sedia ada sehingga memberi nilai tambah baru yang boleh diguna pakai dan dimanfaatkan serta dijadikan sebagai produk atau perkhidmatan yang dikomersialkan. Sementara, kreativiti membabitkan pemikiran, idea dan gagasan baru.

Buku itu menjelaskan pelbagai aspek berkaitan

budaya inovasi yang seharusnya dihayati masyarakat bagi membolehkan Malaysia keluar daripada 'perangkap' negara berpendapatan sederhana.

Prof Zaini turut memberi perspektif baru bahawa keserjanaan perlu diberi penekanan dalam konteks pembangunan pengajian tinggi, pengalaman dan pemikiran pengajian tinggi, wacana mengenai kerangka besar dan gagasan ideal, di luar kerangka operasi dan urusan rutin, malah banyak pandangan dan idea yang kritikal dan bernas berkaitan dengan budaya inovasi disampaikan penulis untuk dihayati.

Menurut Nor Hartini Saari (2010) daripada Institut Kefahaman Islam Malaysia, bagi membudayakan inovasi dan kreativiti ini, ia tidak boleh dihadkan kepada sesuatu kelompok masyarakat saja, sebaliknya inovasi itu perlu difahami dan diamalkan oleh seluruh lapisan masyarakat dalam pelbagai bidang kepakaran.

Lawatan itu, bagi menyebarkan pemahaman mengenai konsep inovasi dan kreativiti dalam kalangan umat Islam khususnya golongan ilmuwan, Fakulti Kepimpinan

dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia menganjurkan Persidangan Antarabangsa Kepimpinan Islam 2012 (International Conference on Islamic Leadership 2012). Persidangan itu akan berlangsung pada 26 dan 27 September ini di Hotel The Royale Chulan, Kuala Lumpur.

Persidangan yang bertema 'Intelektual dan kepimpinan sarjana Islam dalam penyelidikan, inovasi dan kreativiti di rantau ASEAN' itu bertujuan menyediakan landasan bagi membincangkan penemuan terkini hasil penyelidikan, inovasi dan kreativiti dalam kalangan cendekiawan Muslim terutama di Asia Tenggara.

Persidangan berkenaan amat relevan dan penting memandangkan perkembangan semasa yang berlaku membabitkan pelbagai isu intelektual dan kepimpinan di negara Islam masa kini serta cabaran bakal ditempuh dalam era globalisasi dan teknologi canggih ini.

Beberapa tokoh ilmuwan antarabangsa dan tempatan akan membentangkan pelba-

gai isu mengikut pemikiran dan perspektif masing-masing. Antaranya, Pengerusi Majlis Profesor Negara, Prof Emeritus Datuk Dr Zakri Abdul Hamid; Presiden, Mindanao State University, Prof Dr Macapado A Muslim, dan Pengarah Pusat Sains Halal, Chulalongkorn University, Thailand, Prof Dr Winai Dahlan;

Pembentang lain ialah Prof Hussin Mutalib daripada National University of Singapore; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Sains Malaysia, Prof Dr Asma Ismail dan ahli akademik Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Datuk Dr Mohd Yusof Othman.

Persidangan ini dijangka dihadiri 250 peserta, manakala lebih 60 kertas kerja akan dibentangkan oleh sarjana tempatan dan antarabangsa.

Penulis percaya pembentang utama dan pembentang lain akan berkongsi pelbagai maklumat terkini yang diperolehi hasil penyelidikan, inovasi dan kreativiti masing-masing dengan peserta serta masyarakat Islam lain. Perkongsian ilmu melalui persidangan seumpama ini mampu memberi manfaat kepada kehidupan umat Islam.